

Newspaper	Berita Harian
Date	7 June 2015

Umat Islam perlu miliki ilmu pengetahuan: Tun M

BH - 7/6/2015

Kota Kinabalu: Umat Islam perlu memiliki ilmu pengetahuan yang mencukupi, termasuk mengamalkan sikap suka membaca bagi mengelak diperalatkan oleh musuh yang sentiasa berusaha memecahbelahkan perpaduan.

Bekas Perdana Menteri yang juga Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kekurangan pengetahuan juga menyebabkan umat Islam dilihat mudah terpengaruh dengan musuh yang mahu umat Islam berbunuhan sesama sendiri.

“Umat Islam perlu menam-

bah ilmu pengetahuan bagi mengelak diri diperalatkan, ia kerana ada pihak yang mengambil kesempatan dengan membekalkan senjata, wang ringgit agar kita (umat Islam) dapat membunuh sesama sendiri.

“Apakah ini yang diminta dalam ajaran Islam? Berbunuh sesama sendiri? Namun ini berlaku sebab kita utamakan kumpulan kita, niat kita untuk menjadi pemimpin atau yang berkuasa sehingga lupa untuk bersatu padu sebaliknya memecahbelahkan perpaduan itu,” katanya.

Beliau berkata demikian da-

lam amanatnya sempena Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Kebangsaan Ke-54, di sini semalam.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), Tun Sakaran Dandai; Naib Yang Dipertua PERKIM, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Setiausaha Agung Kehormat PERKIM, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Dr Mahathir turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian jual beli bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur yang bernilai RM19 juta.

Minta PERKIM lebih aktif

Mengenai PERKIM, Dr Mahathir meminta pertubuhan itu memainkan peranan lebih aktif untuk menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang baik dan bukan agama yang bengis, agresif dan tidak bertimbang rasa.

“PERKIM kena tunjukkan bahawa Islam adalah agama keamanan untuk bersatu padu dan tidak melakukan perbuatan yang keji termasuk berbunuh sesama sendiri, menyeksa atau membakar manusia. Ini bukan ajaran dalam Islam.

“PERKIM juga perlu memainkan peranan penting untuk menunjukkan bahawa Islam bukan agama bengis dan agresif serta tidak bertolak ansur dan membersihkan imej Islam di mata dunia yang tercalar disebabkan tindakan ekstremis Islam yang terpesong daripada ajaran Islam sebenar,” katanya.